

7) PEMBANGUNAN PERUMAHAN

Adun : Y.B. Tuan Jefri Bin Mejan (Ijok)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) **Apakah ada pelan rancangan projek pembangunan perumahan baharu yang dirancang oleh Kerajaan Negeri atau Sektor Swasta di kawasan Ijok, Bestari Jaya dalam lima tahun akan datang dan apakah langkah yang diambil bagi memastikan pembangunan perumahan ini terancang?**

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod yang ada di Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS), terdapat beberapa projek perumahan mampu milik telah diluluskan dan dalam peringkat perancangan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, terdapat satu (1) projek kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di Bestari Jaya iaitu dikenali sebagai Program Residensi Rakyat (PRR) Harmoni Madani. Ianya mengandungi 245 unit rumah teres satu tingkat dengan keluasan lot tanah 20 kaki x 60 kaki. Projek ini adalah penyelesaian kepada 245 keluarga pekerja ladang di lima estet di Bestari Jaya. Projek ini telah pun mendapat kelulusan Kebenaran Merancang pada 28 Oktober 2024 yang lepas dan dijangka akan memulakan pembinaan pada suku pertama tahun 2025 ini.

Selain itu, bagi penyediaan perumahan mampu milik (Rumah Selangorku) pula, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 16 projek Rumah Selangorku yang mengandungi 11,588 unit di Mukim Ijok yang sedang dan akan memulakan pembinaannya dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Daripada 16 projek tersebut, sebanyak dua (2) projek Rumah Selangorku yang terdiri daripada 1,412 unit sedang dalam pembinaan manakala baki 14 projek dengan 10,176 unit dalam peringkat perancangan. Perincian projek-projek tersebut adalah seperti di Jadual 1 dan Jadual 2 di Lampiran.

Bagi memastikan pembangunan Rumah Selangor ini terancang, pihak Kerajaan Negeri bersama-sama pihak Majlis Perbandaran Kuala Selangor akan memastikan semua pembangunan mengikut Rancangan Tempatan dan menyediakan kemudahan-kemudahan berkaitan mengikut Garispanduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor yang terkini serta keperluan jabatan-jabatan teknikal berkaitan dipatuhi.

Kerajaan Negeri melalui LPHS juga sentiasa mengadakan pemantauan lawatan tapak bagi setiap projek Rumah Selangorku agar ianya berjalan dan siap mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan.

LAMPIRAN

Jadual 1 : Senarai Projek Rumah Selangorku Dalam Pembinaan di Mukim Ijok

BIL.	NAMA PROJEK	LOKASI PROJEK	BIL UNIT
1.	Caledonia	Di Atas Sebahagian Lot 33697	154
2.	Idaman Perdana	Lot 44928, Bandar Alam Perdana	1,258
JUMLAH KESELURUHAN			1,412

Jadual 2 : Senarai Projek Rumah Selangorku Dalam Perancangan di Mukim Ijok

BIL.	NAMA PEMAJU	LOKASI PROJEK	BIL UNIT
1.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) (FASA 1A)	PT 32308 dan PT 32309	80
2.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) (FASA 1B)	PT 32308 dan PT 32309	80
3.	Kemudi Ehsan Sdn. Bhd.	Lot 44927, Bandar Alam Perdana	747
4.	Konsortium PNSB Constuction (Worldwide Property Management Sdn. Bhd.)	PT 28593, PT 28594, PT 28595, PT 27896 dan Lot 4288	1,349
5.	Hillpark Resources Sdn. Bhd. Dahulu Dikenali Puncak Alam Resources Sdn. Bhd. (TM Facilities Sdn. Bhd.)	PT 41428 (Plot 1), PT 41429 (Plot 2) dan PT 41430 (Plot 3), Bandar Puncak Alam	651
6.	Hillpark Resources Sdn. Bhd. Dahulu Dikenali Puncak Alam Resources Sdn. Bhd. (TM Facilities Sdn. Bhd.)	PT 834 dan PT 1092, Bandar Puncak Alam	180
7.	KL-Kepong Country Homes Sdn. Bhd.	Lot 851	631
8.	Elmina Equestrian Sdn. Bhd.	Lot PT 2144	343
9.	KLK Park Homes Sdn. Bhd.	Lot 2740	308
10.	KLK Park Homes Sdn. Bhd.	Di Atas Sebahagian Lot 33697	312
11.	KLK Park Homes Sdn. Bhd.	PT 47627 dan PT 47628	334
12.	KLK Park Homes Sdn. Bhd.	PT 47627 dan PT 47628	368
13.	Paragon Pinnacle Sdn. Bhd.	PT 41235, PT 41236, PT 41237, PT42467 & PT42468, EcoGrandeur	4,637
14.	Jernih Kejora Sdn. Bhd.	Lot 559	156
JUMLAH KESELURUHAN			10,176